

05/11/2003

Perlindungan, bantuan AS bukti Yahudi kuasai Barat

Rejal Arbee

PERALIHAN kuasa pucuk pimpinan negara sudah berlalu dengan baik sebagaimana yang dirancangkan. Ia sekali gus menempelak mereka yang hingga menjelang saat akhir berdegil bahawa Tun Dr Mahathir Mohamad tidak akan melepaskan kuasa sampai ke akhir hayat.

Kata mereka pengumuman pengundurannya pada Perhimpunan Agung Umno tahun

lalu adalah suatu sandiwara. Nyata sekali betapa melesetnya anggapan mereka itu. Apakah pula yang mereka akan katakan selepas ini? Tidak menghairankan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula akan menjadi sasaran.

Peralihan yang begitu teratur juga menidakkan tohmahan media asing serta segelintir orang yang sering menuduh Dr Mahathir seorang diktator. Diktator mana yang sanggup melepaskan kuasanya ketika berada di kemuncak pemerintahan, amat berpengaruh dan diterima ramai?

Ia sekali gus membuktikan Malaysia adalah sebuah negara contoh bukan saja dari segi pembangunannya tetapi juga peralihan kuasa. Jarang sekali ada pucuk pimpinan sebuah negara membangun rela melepaskan jawatan secara aman.

Bumi ini amat bertuah mempunyai pucuk pimpinan yang berhemah tinggi dan beramanah. Sifat begini yang ada di kalangan semua pimpinannya sejak mencapai kemerdekaan yang telah membawa negara ke mercu kejayaan hingga menjadi negara contoh dan disegani.

Peralihan kuasa yang begitu terancang amat penting bagi menentukan kesinambungan pemerintahan dan kemajuan demi kebaikan rakyat dan negara. Minggu ini Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memulakan tugas barunya dan dari ungkapan-ungkapannya sejak Jumaat lalu serta jadual tugas yang beliau sendiri tetapkan, jelas `legasi' Mahathir akan berterusan.

PR Amerika

Dilaporkan pentadbiran Bush merancang melantik Margaret Tutwiler, bekas duta besarnya di Maghribi yang kononnya sensitif terhadap Islam sebagai Setiausaha Rendah bagi Diplomasi Awam. Jawatan ini diadakan kerana mereka beranggapan Amerika Syarikat (AS) gagal mewujudkan perhubungan awam (public relations - PR) yang baik di dunia Arab dan di kalangan umat Islam keseluruhannya. Mengikut pandangan itu kegagalan inilah yang menyebabkan banyak negara Islam dan ramai penganut Islam dunia membenci AS.

Suatu kajian oleh Kumpulan Penasihat AS terhadap diplomasi awam di dunia Arab dan dunia Islam mendapati permusuhan terhadap AS sudah mencapai suatu tahap yang amat membimbangkan. Mereka beranggapan pandangan negatif dan

permusuhan rakyat Arab dan umat Islam terhadap AS adalah kerana ia gagal dalam PRnya.

Ertinya AS tidak mahu mengakui kesilapannya adalah lebih mendalam. Ia masih tidak boleh menerima hakikat bahawa perasaan benci itu berpunca daripada dasarnya terhadap Islam. Ia juga tidak dapat terima bahawa kebencian itu adalah berpunca daripada tindak tanduknya yang mendiskriminasi dan menekan orang Islam dan negara Islam atas nama hendak memerangi keganasan.

Kebenaran Dr Mahathir

Di bumi Palestin amat ketara sekali bagaimana ia membezakan rakyat Palestin dengan Yahudi. Apa saja yang dilakukan oleh rejim Israel terhadap

rakyat Palestin benar belaka kerana kononnya mereka hanya mahu mempertahankan diri dari serangan 'pengganas berani mati' Palestin. Kekejaman dan penindasan yang dilakukan oleh Israel hingga membabit dan memangsakan wanita, kanak-kanak dan orang tua tidak diambil kisah. Rejim Ariel Sharon yang terus membina tembok memisahkan rakyat Palestin dari tanah kebun mereka walaupun mendapat tentangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) tidak menjadi hal. Rumah, tanah dan harta benda rakyat Palestin terus dirampas pendatang Yahudi tanpa ditentang.

Rejim Yahudi boleh saja mengetepikan resolusi PBB (yang terakhir menghalang Israel mendirikan tembok pemisah di Tebing Barat Palestin yang tidak sedikitpun dihiraukannya) tetapi jangan sekali-kali negara Islam berani mengabaikan ketetapan PBB kerana tentunya mereka akan dikenakan sekatan ekonomi. Israel juga sudah bertahun-tahun mempunyai senjata nuklear dan senjata pemusnah besar (WMD) tetapi AS dan sekutunya tidak pun mempersoalkannya jauh sekali mahu memusnahkannya.

Apakah keadaan begini tidak menggambarkan bahawa pentadbiran AS sekarang secara terang-terangan sudah menjadi proksi kepada rejim Yahudi Israel? Apa salahnya Dr Mahathir menyatakan kebenaran ini? Bagaimana pula beliau boleh dituduh perkauman dan anti-Semitik? Kini semakin banyak negara dunia sudah mula mahu menyuarakan persetujuan mereka dengan apa yang dikatakan Dr Mahathir itu.

Terakhir suatu tinjauan oleh syarikat Taylor Nelson Sofres/EOS Gallup Europe mendapati hampir separuh rakyat Eropah berpendapat bahawa Israel adalah ancaman terbesar terhadap keamanan sejagat, manakala AS pula berupa

penyumbang kepada keadaan tidak stabil dunia selain dari di Afghanistan, Iran, Iraq dan Korea Utara. Tinjauan itu juga mendapati 59 peratus daripada responden di seluruh Eropah berpendapat Israel menjadi penghalang

utama terhadap kedamaian dunia.

Pentadbiran Bush sendiri melakukan penindasan terhadap rakyat Islam. Lihat saja bagaimana tahanan Islam di Teluk Guantanamo diperlakukan seperti binatang seolah-olah mereka tidak punyai hak langsung. Demikian juga rakyat Iraq yang di tahan di tengah bandar dan jalan raya untuk diperiksa diperlakukan seperti mereka tidak bermaruah, disuruh sujud, ada yang kepala mereka ditutup beg kertas. Askar AS bersikap samseng dengan rumah-rumah digeledah tanpa mempunyai perasaan kemanusiaan. Wanita-

wanita

Islam pula terpaksa mengalami pemeriksaan oleh anjing yang diketahui tidak

suci bagi orang Islam.

Kedutaan jadi kubu

Kini orang Islam yang hendak memasuki AS walaupun mempunyai visa lawatan

yang sah terpaksa melalui pemeriksaan amat ketat berbanding pemeriksaan terhadap bukan Islam. Tidak hairanlah kedutaan AS di mana-mana kini sudah

menjadi kubu di tengah kota. Keadaan di kedutaan AS di Jalan Tun Razak sudah cukup untuk memberi gambaran bagaimana rakyat dan premisnya berada dalam kebimbangan kalau pun tidak ketakutan. Orang awam tidak boleh mendekati kawasan itu hinggalah sebahagian jalan terpaksa ditutup dan mengganggu lalu lintas di situ.

Apakah keadaan begini yang mereka mahu pertahankan? AS perlu renung kembali terhadap tindak tanduknya dan dasarnya berikutan peristiwa 11 September. Pelbagai tindakan yang dilakukan telah menimbulkan amarah umat

Islam. Umat Islam dibezakan, dipandang serong, dituduh bermacam-macam seolah-olah mereka semuanya pengganas atau berpotensi menjadi pengganas. Tidak hairanlah kenapa rakyat AS sendiri mempunyai persepsi buruk ke atas

orang Islam. Mereka juga menganggap Islam agama yang menaja pengganas. Sebab itulah juga negara Islam tidak dibenarkan menjadi kuat, tidak boleh

memiliki senjata canggih walaupun untuk mempertahankan diri.

Selagi Pentadbiran Bush tidak mahu mengakui kesilapan dasarnya dan mengubah segala peri lakunya, biar apa pun PR yang dilancarkan, ia tidak mungkin dapat mengubah pendirian majoriti umat Islam terhadap AS.

Mereka tidak mahu mengakui punca keganasan. Ambil jalan mudah, jalan pintas dan berpegang kepada prinsip yang dipelopori negara Zionis Israel bahawa mereka yang mengganas hanya faham dengan tindakan yang lebih ganas

dan kejam. Maka itulah Perdana Menteri Israel, Ariel Sharon seorang yang diiktiraf antarabangsa sebagai pengganas yang bertanggungjawab terhadap pembunuhan beramai-ramai pelarian wanita, kanak-kanak dan orang tua Palestin di Shabra dan Shatila dijulung tinggi oleh AS. Lebih menghairankan lagi pemimpin Yahudi yang dikenali sebagai 'the butcher of Sabra and Shatila' itu diberi pula jolokan 'a man of peace' oleh Bush.